

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Kes di Selangor kembali meningkat

Malaysia catat kes sembuh lebih tinggi berbanding kes positif pada Isnin

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,192 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Isnin menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 dalam negara sebanyak 285,761 setakat ini, selain enam lagi kematian dilaporkan akibat pandemik itu dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh harian sebanyak 3,414 kes yang dilaporkan, juga lebih tinggi berbanding kes positif harian menjadikan jumlah sembuh keseluruhan hingga kini sebanyak 252,623 kes.

"Kes aktif pula setakat ini ialah 32,076 kes," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu harian itu, sebanyak 2,189 merupakan kes tempatan melibatkan 1,337 warganegara dan 852 warga asing, manakala tiga lagi adalah kes import melibatkan dua warganegara dan seorang warga asing.

Selangor, katanya, terus mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 910 kes diikuti Kuala Lumpur (303 kes), Sarawak (221) dan Johor (211).

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian yang dilaporkan



DR NOOR HISHAM

pada Isnin melibatkan dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Pahang, Johor, Sabah serta Sarawak, dengan lingkungan umur mereka antara 17 dan 84 tahun.

Katanya, 199 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 91 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, 109 kes dilaporkan berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigrasi, antaranya membabitkan Kluster Tembok Tapah dengan 39 kes, Kluster Tembok Bende-

ra (26), Kluster Penjara Jalan Harapan (25) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (9).



Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, lapan lagi kluster baharu dikenal pasti semalam, dengan tujuh daripadanya berkaitan tempat kerja manakala satu kluster melibatkan komuniti iaitu Emperoh Jambu di Sarawak.

"Kluster tempat kerja yang dikenal pasti ialah Tapak Bina Jalan Kota, Tapak Bina Lombong Timah dan Pasar Jalan Putra di Selangor; Tapak Bina Sungai Batu (Kuala Lumpur); Industri Sungai Gadut (Negeri Sembilan); Hilir Sungai Kluang (Pulau Pinang); Sungai Bakong (Sarawak)," katanya. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 22 Februari 2021

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN:	285,761	PULIH:	252,623	ICU:	199	KEMATIAN:	1,062	KES BAHARU	+2,192

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 283,669 kes kepada 285,761 kes

